

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30 JANUARY 2017

'Bersatu perkukuh perpaduan kaum'

BH-30/1/2017

➔ PM ajak rakyat hidup dalam suasana harmoni bagi mendapat limpahan rezeki, ekonomi

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Rakyat perlu terus hidup dalam suasana aman dan harmoni serta bersatu mengukuhkan lagi perpaduan kaum yang sedia terjalin, kata Datuk Seri Najib Razak.

Serentak itu Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memastikan keselamatan negara dipertingkatkan agar Malaysia bebas daripada sebarang ancaman.

"Saya harap negara terus aman dan harmoni serta usaha memupuk perpaduan sentiasa diutamakan.

"Justeru, saya berharap lebih ba-

nyak limpahan rezeki dan ekonomi negara bertambah baik bersempena Tahun Baharu Cina ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media ketika ditanya harapannya bersempena Tahun Ayam selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina anjuran MCA di Wisma MCA, Jalan Ampang, di sini, kelmarin.

Najib yang juga Menteri Kewangan ditemani isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor, meluangkan masa kira-kira sejam pada majlis rumah terbuka berkenaan.

Beliau yang berpakaian batik berwarna merah dan Rosmah yang berpakaian tradisional masyarakat Cina berwarna ungu menyambut barisan kepemimpinan

tertinggi MCA diketuai Presiden-nya, Datuk Seri Liow Tiong Lai, sambil diiringi paluan gendang dan persembahan tarian singa.

Gaul salad 'yee sang'

Perdana Menteri dan beberapa pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) kemudian menggaul salad 'yee sang', hidangan utama musim perayaan yang dianggap juadah membawa tuah dalam kalangan masyarakat Cina.

Najib dan tetamu turut menyaksikan lakaran kaligrafi Cina oleh Penaung Persatuan Kaligrafi Malaysia, Dr Wong Kum Peng sebelum mengambil peluang melakarkan sentuhan akhir kaligrafi bermaksud 'Ke arah keamanan dan keharmonian di Malaysia.'

Yang turut hadir, Presiden GERAKAN, Datuk Seri Mah Siew Keong; Presiden MIC, Datuk Seri Dr S Subramaniam dan Setiausaha Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Najib dan Rosmah kemudian menghadiri rumah terbuka Tahun Baharu Cina anjuran GERAKAN di Wisma PGRM, Cheras di sini yang disambut barisan kepemimpinan tertinggi parti itu diketuai Siew Keong sambil diiringi persembahan tarian singa.

Beliau yang meluangkan masa kira-kira 30 minit pada majlis rumah terbuka itu juga sempat naik ke pentas untuk menandatangani sebuah lukisan kaligrafi yang dilukis khas bersempena majlis berkenaan.